

Perbandingan di antara Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) dan Ahli Majlis di PBT

Bil.	Perkara	JPP	Ahli Majlis
1.	Punca Kuasa	<p>Selaras dengan P.U(A) 184/2013 berhubung dengan fungsi baru KPKT iaitu mengendalikan perkara yang berhubung dengan kesejahteraan bandar terutamanya dalam meningkatkan penyertaan komuniti dalam proses membuat keputusan di peringkat PBT</p> <p>Ini berikutan daripada penstrukturan semula fungsi-fungsi Kementerian berikutan pembentukan Kabinet baru bagi tahun 2013, perkara berhubung kesejahteraan bandar telah dipindahkan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Susulan itu, organisasi Kementerian disusun semula dengan nama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Untuk rujukan Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) 2013 [P.U(A) 184/2013] menggariskan fungsi dan tanggungjawab KPKT seperti berikut:</p> <p>”Perancangan, penyelarasan serta pelaksanaan dasar dan program yang berhubungan dengan penempatan manusia dan perbandaran melalui aktiviti pembangunan perumahan, perkhidmatan kerajaan tempatan, perancangan bandar dan desa, pembangunan lanskap , pembasmian kemiskinan bandar, penggalakan penyertaan komuniti dan perkhidmatan bomba serta pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam”</p>	<p>Jadual Kesembilan, Senarai II butiran 4 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan, antara lain bahawa perkara berhubung kerajaan tempatan termasuk pentadbiran tempatan, perbadanan perbandaran, lembaga tempatan, lembaga bandaran, perkhidmatan kerajaan tempatan adalah terletak dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Bagi maksud memastikan keseragaman undang-undang dan dasar berhubung kerajaan tempatan, Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] telah digubal. Akta 171 yang mengawal selia perkara berhubung kerajaan tempatan, memperuntukkan antara lain mengenai pelantikan Ahli Majlis PBT oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) di bawah seksyen 10 Akta 171 seperti berikut:</p> <p style="padding-left: 40px;">“Seksyen 10. Ahli Majlis (1) Pihak berkuasa tempatan hendaklah terdiri daripada— (a) Datuk Bandar atau Yang Dipertua; dan (b) tidak kurang daripada lapan dan tidak lebih daripada dua puluh empat orang Ahli Majlis lagi,</p> <p style="padding-left: 40px;"><u>yang akan dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri.</u></p>

Bil.	Perkara	JPP	Ahli Majlis
2.	Peranan dan Fungsi Utama	<p>Fungsi-fungsi JPP adalah bertujuan untuk menyediakan saluran secara terus dalam menghubungkan penduduk bandar dan kerajaan persekutuan meliputi perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) menyampaikan maklumat kepada penduduk setempat berhubung dasar, undang-undang, garis panduan, peraturan, inisiatif, program dan aktiviti di bawah PBT dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; b) mengawasi dan melaporkan kepada pihak berkuasa mengenai kegiatan yang boleh mengancam keselamatan dan keamanan kawasan setempat bagi memelihara kesejahteraan dan keselamatan awam; c) membantu PBT dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam menjalankan kegiatan khidmat nasihat dan penguatkuasaan undang-undang dan mencegah wabak penyakit bagi memelihara kebersihan, kesihatan dan alam sekitar, d) membantu PBT dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam merancang, melaksana dan memantau pelaksanaan projek-projek infrastruktur, kemudahan awam dan sosio ekonomi bandar; dan e) menyalurkan maklumat, maklum balas, aduan, masalah, permintaan atau keperluan penduduk dari peringkat akar umbi kepada PBT dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi menambah baik system penyampaian perkhidmatan. 	<p>Fungsi Ahli Majlis adalah lebih kepada fungsi-fungsi kewujudan PBT sebagai sebuah entiti undang-undang dan agensi penguat kuasa.</p> <p>Fungsi-fungsi utama Ahli Majlis PBT di bawah Akta 171 adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) membuat Undang-Undang Kecil; (b) mengenakan caj, bayaran dan fee; (c) mengambil langkah-langkah bagi menghapuskan kacau ganggu sama ada di premis awam atau persendirian; (d) menghapus, mengubah atau meruntuhkan dan menjalankan apa-apa perubahan bagi menjadikan sesebuah bangunan itu menjadi layak untuk diduduk; (e) mengenakan penalti am bagi kesalahan yang tidak mempunyai peruntukan penalti; dan (f) memulakan pendakwaan bagi kesalahan di bawah Akta 171 atau Undang-Undang Kecil/kaedah/peraturan

Bil.	Perkara	JPP	Ahli Majlis
3.	Kaedah Penubuhan dan Penetapan Kawasan	Penubuhan JPP dibuat berdasarkan zon-zon yang ditetapkan dan merangkumi keseluruhan kawasan dalam zon di setiap PBT (maksimum 24 zon bagi setiap PBT)	Merangkumi keseluruhan kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan dan dibahagikan mengikut zon bergantung kepada PBT. (Kebanyakan zon di kawasan operasi yang berpopulasi)
4.	Struktur dan Bilangan Ahli	JPP terdiri daripada 10 ahli di setiap zon seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Pengerusi; ii. Setiausaha; iii. Biro Kemajuan Wanita; iv. Biro Sosial dan Sukan; v. Biro Ekonomi dan Kewangan; vi. Biro Kemajuan Belia; vii. Biro Aduan dan Kebajikan; viii. Biro Keselamatan; ix. Biro Pendidikan dan Modal Insan; dan x. Biro Kebersihan, Kesihatan dan Alam sekitar. 	Bilangan Ahli Majlis PBT di bawah Akta 171 adalah: <p>“Seksyen 10. Ahli Majlis (1) Pihak berkuasa tempatan hendaklah terdiri daripada— (a) Datuk Bandar atau Yang Dipertua; dan (b) tidak kurang daripada lapan dan tidak lebih daripada dua puluh empat orang Ahli Majlis lagi, <u>yang akan dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri.</u></p>
5.	Pelantikan	Pelantikan Pengerusi dan Setiausaha JPP akan dibuat oleh KPKT setelah berunding dengan PBT dan Pemimpin Tempatan Persekutuan (PTP) manakala Pengerusi JPP yang dilantik boleh mencadangkan pelantikan Anggota JPP yang lain selepas berunding dengan PBT dan PTP. Oleh itu, pelantikan Pengerusi, Setiausaha dan Anggota JPP kelak merupakan pelantikan yang dibuat secara pentadbiran sahaja.	Ahli Majlis pula telah ditafsirkan di bawah seksyen 2 Akta 171 seperti berikut: <p>Seksyen 2. Tafsiran “Ahli Majlis” berhubung dengan sesuatu pihak berkuasa tempatan, ertinya <u>seseorang yang dilantik di bawah Akta ini untuk berkhidmat dalam pihak berkuasa tempatan itu dan termasuklah Datuk Bandar atau Yang Dipertuannya.</u></p>

Bil.	Perkara	JPP	Ahli Majlis
6.	Syarat Pelantikan	<p>Semua pelantikan Anggota JPP hendaklah memenuhi syarat-syarat umum seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. penduduk yang bermastautin di dalam zon tersebut; ii. warganegara Malaysia yang berumur di antara 21 hingga 65 tahun; iii. kelayakan akademik sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan setaraf dengannya; iv. keutamaan diberikan kepada individu yang bergiat aktif dalam pertubuhan, persatuan atau kerja-kerja amal; v. tidak mempunyai sebarang rekod jenayah; vi. bukan di kalangan Ahli Majlis yang sedang berkhidmat; vii. pemilihan Pengerusi hendaklah dari kalangan opinion leaders yang berpengaruh serta bersesuaian dengan taraf sosial dan pemikiran masyarakat setempat; viii. pemilihan calon JPP dari kalangan penjawat awam dan golongan profesional adalah wajar digalakkan untk membuka minda dan melaksanakan transformasi pengurusan bandar; dan ix. lain-lain syarat yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh KPKT. 	<p>Syarat pelantikan Ahli Majlis pula telah ditafsirkan di bawah seksyen 10, Akta 171 seperti berikut:</p> <p>(2) Anggota Majlis pihak berkuasa tempatan hendaklah dilantik dari antara orang yang bilangan terbesar daripada mereka hendaklah orang yang biasanya bermastautin dalam kawasan pihak berkuasa tempatan itu dan yang pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal kerajaan tempatan atau yang telah memperoleh kejayaan terpuji dalam sesuatu profesion, perdagangan atau perindustrian, ataupun yang mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan komuniti mereka dalam kawasan pihak berkuasa tempatan itu.</p>
7.	Tempoh Perkhidmatan	<p>Tempoh pelantikan anggota JPP bagi 1 penggal adalah tidak melebihi dua (2) tahun. Walau bagaimanapun, pelantikan anggota JPP boleh dilanjutkan dan tempoh maksimum pelantikan adalah dua (2) penggal sahaja.</p>	<p>Tempoh perkhidmatan Ahli Majlis pula telah ditafsirkan di bawah seksyen 10 Akta 171 seperti berikut:</p> <p>(3) Tempoh jawatan bagi setiap seorang Anggota Majlis tidak boleh lebih daripada tiga tahun.</p> <p>(6) Seseorang Anggota Majlis adalah layak dilantik semula apabila tamat tempoh jawatannya.</p>

Bil.	Perkara	JPP	Ahli Majlis																		
8.	Elaun kepada Anggota	<ul style="list-style-type: none"> Elaun disediakan kepada Pengerusi dan Setiausaha manakala anggota JPP lain akan menerima elaun kehadiran mesyuarat; Bayaran Rawatan Kelas Kedua di Hospital Kerajaan bagi Pengerusi dan Setiausaha JPP. <table border="1" data-bbox="424 521 1205 1320"> <thead> <tr> <th data-bbox="424 521 680 646">Perkara</th> <th data-bbox="680 521 978 646">Majlis Bandaraya/ Majlis Perbandaran</th> <th data-bbox="978 521 1205 646">Majlis Daerah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="424 646 680 704">Elaun Pengerusi</td> <td data-bbox="680 646 978 704">RM800 sebulan</td> <td data-bbox="978 646 1205 704">RM500 sebulan</td> </tr> <tr> <td data-bbox="424 704 680 763">Elaun Setiausaha</td> <td data-bbox="680 704 978 763">RM400 sebulan</td> <td data-bbox="978 704 1205 763">RM250 sebulan</td> </tr> <tr> <td data-bbox="424 763 680 1036">Ahli JPP</td> <td data-bbox="680 763 978 1036">RM75 bagi setiap mesyuarat yang dihadiri, maksimum 6 kali setahun</td> <td data-bbox="978 763 1205 1036">RM50 bagi setiap mesyuarat yang dihadiri, maksimum 6 kali setahun</td> </tr> <tr> <td data-bbox="424 1036 680 1182">Pengerusi dan Setiausaha</td> <td colspan="2" data-bbox="680 1036 1205 1182">Kemudahan Rawatan Kelas Kedua di Hospital Kerajaan dengan maksimum RM500 bagi setiap tuntutan.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="424 1182 680 1320">Elaun Keraian Mesyuarat</td> <td colspan="2" data-bbox="680 1182 1205 1320">Tidak melebihi RM100 setiap kali mesyuarat dengan maksimum kekerapan 6 kali setahun</td> </tr> </tbody> </table>	Perkara	Majlis Bandaraya/ Majlis Perbandaran	Majlis Daerah	Elaun Pengerusi	RM800 sebulan	RM500 sebulan	Elaun Setiausaha	RM400 sebulan	RM250 sebulan	Ahli JPP	RM75 bagi setiap mesyuarat yang dihadiri, maksimum 6 kali setahun	RM50 bagi setiap mesyuarat yang dihadiri, maksimum 6 kali setahun	Pengerusi dan Setiausaha	Kemudahan Rawatan Kelas Kedua di Hospital Kerajaan dengan maksimum RM500 bagi setiap tuntutan.		Elaun Keraian Mesyuarat	Tidak melebihi RM100 setiap kali mesyuarat dengan maksimum kekerapan 6 kali setahun		<p>Elaun Ahli Majlis pula telah ditafsirkan di bawah seksyen 10, Akta 171 seperti berikut:</p> <p>(9) Setiap seorang Anggota Majlis dan seseorang yang dilantik ke sesuatu jawatankuasa di bawah seksyen 28 hendaklah dibayar gaji atau boleh dibayar elaun mengikut sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.</p> <p>Contoh : Elaun Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Ipoh, Perak ialah sebanyak RM840.00 seorang. Elaun Kehadiran Mesyuarat sebanyak RM75.00 dan Elaun Telefon sebanyak RM100.00</p> <p>Contoh : Elaun Ahli Majlis bagi Majlis Daerah Kerian, Perak ialah sebanyak RM 570.00</p> <p>Elaun Ahli Majlis MBI - RM840.00 seorang Elaun Kehadiran Mesyuarat - RM75.00 Elaun Telefon - RM100.00</p>
Perkara	Majlis Bandaraya/ Majlis Perbandaran	Majlis Daerah																			
Elaun Pengerusi	RM800 sebulan	RM500 sebulan																			
Elaun Setiausaha	RM400 sebulan	RM250 sebulan																			
Ahli JPP	RM75 bagi setiap mesyuarat yang dihadiri, maksimum 6 kali setahun	RM50 bagi setiap mesyuarat yang dihadiri, maksimum 6 kali setahun																			
Pengerusi dan Setiausaha	Kemudahan Rawatan Kelas Kedua di Hospital Kerajaan dengan maksimum RM500 bagi setiap tuntutan.																				
Elaun Keraian Mesyuarat	Tidak melebihi RM100 setiap kali mesyuarat dengan maksimum kekerapan 6 kali setahun																				